

Para penyelidik UMS diminta beri keutamaan kepada pembangunan negara

Tumpu bidang kritikal, strategik

UM 18-9-2013 JG



KAMARLIN Ombi (kanan) sambil disaksikan Mohd. Harun Abdullah (dua dari kiri) mengeluarkan anak ayam daripada model telur sebagai simbolik perasmian Pertandingan Penyelidikan dan Reka Cipta (Pereka 2013) di Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, baru-baru ini. - UTUSAN/ABDUL RASHID

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**
utusanabah@utusan.com.my

KOTA KINABALU 17 Sept. - Para penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) diminta memberi tumpuan kepada bidang-bidang strategik yang mempunyai nilai tambah dan sumbangan besar kepada pembangunan negara khususnya di Sabah.

Sehubungan itu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, kepentingan sektor pertanian dan pelancongan yang telah menjadi keutamaan dan kepakaran penyelidikan UMS akan terus diberi keutamaan.

"Malah kedudukan industri marin dalam struktur ekonomi Sabah juga sentiasa mendapat perhatian khusus dalam agenda penyelidikan UMS, begitu juga sektor perhutanan dan perladangan yang sentiasa memerlukan sentuhan teknologi baharu dan pendekatan inovatif untuk diuruskan.

"Sesungguhnya, bidang-bidang kritikal ini bukan sahaja menjadi tujahan dalam struktur akademik di

Keentingan sektor pertanian dan pelancongan yang telah menjadi keutamaan dan kepakaran penyelidikan UMS akan terus diberi keutamaan

MOHD. HARUN ABDULLAH
Naib Canselor UMS

UMS tetapi menjadi teras utama dalam kerja-kerja penyelidikan yang dilaksanakan para penyelidik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis Penutupan Pertandingan Penyelidikan dan Reka Cipta (Pereka 2013) di Dewan Kuliah Pusat 2, di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Kamarlin Ombi; Timbalan Naib Can-

selor UMS (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Shahril Yusof dan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UMS, Prof. Dr. Felix Tongkul.

Sebanyak 367 produk yang terdiri daripada 215 hasil penyelidikan dan 152 produk inovasi menyertai pertandingan kali keenam tahun ini.

Menurut Mohd. Harun, melalui sokongan yang diberikan, UMS akan meneruskan usaha penyelidikan dengan penerokaan bidang-bidang utama yang dikenalpasti.

Jelasnya, kelebihan yang pelbagai dalam bentuk sumber asli, budaya dan etnik, kekayaan biodiversiti, kedudukan geografi, dan keunikan demografi menyediakan platform yang baik untuk para penyelidik serta ahli akademik UMS menyumbang daya kreativiti mereka.

"Dengan keprihatinan kerajaan melalui geran penyelidikan dan bantuan serta sokongan kerajaan negeri, kami percaya hasrat ini dapat dijayakan dan menjadi tanggungjawab UMS mengenal pasti potensi sosioekonomi yang ada," katanya.